

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS  
DARIPADA : Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[PASIR GUDANG]**

**SOALAN NO. 173**

**Y.B. TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM [ PASIR GUDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan mempunyai cadangan untuk membahagikan hasil dari Cukai Pelancongan sama banyak 50:50 dengan kerajaan-kerajaan negeri.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, kutipan cukai pelancongan dikuatkuasakan melalui Akta Cukai Pelancongan 2017 (Akta 791) yang diwartakan pada 21 Jun 2017. Pelaksanaan kutipan cukai pelancongan dibuat kepada pengendali premis penginapan berdaftar Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan tidak terhad kepada hotel sahaja. Kadar cukai yang dikenakan kepada pelancong asing adalah RM10 sebilik/malam.

Dalam ucapan Bajet Tahun 2019, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk melaksanakan perkongsian 50% hasil kutipan bagi cukai pelancongan yang diterima di negeri berkenaan. Langkah ini membolehkan Kerajaan Negeri menerima hasil tambahan yang secara agregat.

Kementerian Kewangan pada 28 Mac 2019 telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM67.74 juta iaitu 50% daripada kutipan cukai pelancongan tahun 2018 kepada semua Kerajaan Negeri. Selaras dengan persetujuan Majlis Kewangan Negara pada 27 Mei 2019, agihan 50% cukai tersebut diteruskan pelaksanaannya pada tahun-tahun berikut sebagai satu pemberian baharu kepada Kerajaan Negeri yang dikenali sebagai Pemberian Cukai Pelancongan.